

EDISI MUSIM PERAYAAN 2024

# E-BULETIN

EDISI 14

## MUSIM PERAYAAN 2024

Kepelbagaiannya Bangsa Meraikan Musim Perayaan dengan Penuh Keharmonian

## CORETAN DARIPADA KETUA JABATAN

Mengoptimalkan Perkhidmatan Perbankan EB BSN Sempena Musim Perayaan

TIP & PANDUAN  
KESELAMATAN

Etika Siber Elak  
Jadi Mangsa  
*scammer*

**Etika EB BSN Ketika  
Melayani Pelanggan**

Pencapaian  
**EB BSN  
TERBAIK**

Suku Ke Empat 2023 &  
Suku Pertama 2024

Pelbagai Ganjaran  
Menanti Anda Dengan  
**PROMOSI  
BAHARU BSN**

# KANDUNGAN



04 Ucapan Musim Perayaan EB BSN



06 Tip & Panduan Keselamatan



03

Kata-kata Ketua Jabatan

09

Cerita EB BSN

10

Info Am EB BSN

11

Promosi Baharu BSN

## Editorial

### PENGARANG

Iman Nadzirah

### PENOLONG PENGARANG

Rohemy Rosslan  
Isrunisyam Ishak  
Faiz Ramzani  
Rizalman Zainal

## Produksi & Kreatif

### PENGARAH KREATIF

Ashura Hakim

### KREATIF

Nasrul Shazli Samil

### WEB

Sanny Hisham



En. Suzaini Mukhtar  
Ketua Jabatan Deposit, Pembayaran  
dan Rangkuman Kewangan BSN

# Mengoptimumkan

**Perkhidmatan Perbankan EB BSN Sempena Musim Perayaan**

**A**ssalamualaikum dan salam sejahtera kepada Ejen Bank BSN (EB BSN) dan sidang pembaca semua.

Sepanjang suku pertama 2024, kita telah meraikan pelbagai perayaan yang melambangkan kepelbagaian budaya negara kita yang tercinta seperti sambutan Thaipusam, Tahun Baharu Cina dan Hari Raya Aidilfitri. Perayaan ini merupakan masa untuk kita berkumpul bersama keluarga tercinta dan sahabat handai.

Ingin saya tekankan di sini bahawa EB BSN berperanan untuk membantu komuniti mendapatkan akses kepada perkhidmatan perbankan sekaligus mengemudi perjalanan ke arah kesejahteraan ekonomi. EB BSN juga menghubungkan perkhidmatan perbankan kepada komuniti terutamanya di kawasan pedalaman bagi

mengoptimumkan transaksi perbankan pelanggan sempena musim perayaan.

Kesempatan perayaan ini juga mengingatkan kita tentang nilai-nilai kemasyarakatan di negara kita yang berbilang kaum. Ini adalah nilai-nilai sama yang kita junjung tinggi dalam berinteraksi dengan pelanggan di samping terus menyediakan perkhidmatan kewangan berintegriti, progresif dan inklusif.

Akhir kata, kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua EB BSN dan para pembaca, semoga anda semua menikmati edisi ini dengan mengetahui lebih banyak mengenai EB BSN.

Terima kasih.



## KEPELBAGAIAN BANGSA MERAIKAN MUSIM PERAYAAN DENGAN PENUH KEHARMONIAN

Musim perayaan adalah saat-saat yang sering dinantikan oleh kita semua. Ini juga adalah masa yang mana kita dapat sama-sama menghargai kepelbagaian budaya, etnik dan tradisi dalam kalangan masyarakat di negara kita.

Di tengah-tengah keriuhan musim perayaan, EB BSN bukan sekadar membantu pelanggan di kawasan yang tiada Cawangan BSN, tetapi turut menyediakan perkhidmatan perbankan bagi mereka yang kurang mendapat akses kepada institusi kewangan di kampung halaman ketika balik meraikan musim perayaan bersama keluarga. Musim perayaan tidak hanya mengenai memberi dan menerima, tetapi juga saling bantu membantu sesama kita. Melalui EB BSN, institusi kewangan

dapat berperanan lebih besar dalam membina komuniti yang lebih sejahtera. Semangat musim perayaan juga menginspirasikan kita untuk turut menyumbang kepada keharmonian komuniti.

Secara kesimpulannya, kepelbagaian bangsa di Malaysia adalah sumber kekayaan yang besar bagi negara ini. Musim perayaan menjadi wadah yang sempurna untuk meraikan kepelbagaian ini dengan penuh keharmonian dan kegembiraan. Semangat saling hormat-menghormati, memahami, dan menghargai antara satu sama lain menjadikan Malaysia sebagai contoh dalam memupuk keharmonian dalam kalangan masyarakat yang berbilang bangsa dan agama.



**ANZ BERKAT MAJU ENTERPRISE**  
EB BSN Kuala Terengganu



### Hari Raya Aidil Fitri

Detik dirai dengan senyum, dan kasih sayang bersama keluarga tersayang.



### Tahun Baharu Cina

Masa untuk menguatkan ikatan keluarga dan bersyukur atas segala-galanya.

# Carta EB Terbaik Suku Ke Empat 2023 & Suku Pertama 2024





## PERKHIDMATAN YANG TERSEDIA DI EB BSN



Simpanan tunai



Pengeluaran tunai



Pembayaran bil



BSN SSP



Urusan tanpa tunai



Pembukaan Akaun



Tambah Nilai Prabayar

# Etika EB BSN Ketika Melayani Pelanggan



Berpakaian kemas & menarik



Cekap, amanah & berintegriti



Pelanggan sentiasa diutamakan



Persekitaran yang selesa,  
selamat & teratur



Penyampaian maklumat tepat,  
jelas & lengkap



Memastikan peralatan yang  
dibekalkan berada dalam  
keadaan baik dan disimpan  
ditempat yang selamat



Jika EB mempunyai masalah teknikal, boleh membuat laporan dengan menghubungi Talian Bebas Tol EB HELPDESK BSN kami di 1-800-88-5220.

# Etika Siber Elak Jadi Mangsa *scammer*

Dalam era digital yang pesat berkembang, keselamatan siber semakin menjadi keutamaan. Namun, di sebalik kemudahan yang ditawarkan oleh dunia maya, terdapat ancaman yang serius seperti penipuan siber. Nak tahu cara melindungi diri daripada menjadi mangsa scammer? Jom baca selanjutnya!

**1** **Berhati-hati** dengan e-mel yang mencurigakan dan menyamar sebagai bank, polis, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), atau mahkamah. E-mel ini juga tidak akan berakhir dengan gov.my atau com.my.

**2** **Jangan layan** sebarang permintaan pengesahan nama pengguna dan kata laluan dalam e-mel kerana pihak bank atau berkuasa tidak akan meminta maklumat tersebut.

**3** **Ingin** bahawa pihak berkuasa tidak akan menghubungi melalui telefon peribadi atau e-mel tanpa notis awal melalui surat rasmi seperti writ saman atau surat berkenaan kes tertentu.

**4** **Pastikan** anda menyemak dan sahkan maklumat terlebih dahulu jika menerima barang dengan transaksi tunai semasa serahan (COD).

**5** **Berhati-hati** dengan panggilan atau ‘berita baik’ cabutan bertuah. Semak butiran dan sumber maklumat sebelum memberikan maklumat peribadi atau menyertai sebarang cabutan.


**6** Jika menerima mesej daripada rakan yang mendakwa terkandas di lapangan terbang atau negara asing dan memerlukan bantuan kewangan, **pastikan** untuk menghubungi rakan tersebut untuk mengesahkan keadaannya.

**7** **Berhati-hati** terhadap tawaran pelaburan dengan pulangan yang menarik. Selidiki syarikat tersebut dan pastikan mereka berdaftar dengan Suruhanjaya Sekuriti (SC) atau badan pengawasan lain seperti Bank Negara Malaysia (BNM) dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) sebelum melabur.

**8** **Hindari** memuat turun aplikasi, mengimbas kod QR, atau menekan pautan dalam mesej tanpa penyelidikan lanjut. Tindakan tersebut boleh membahayakan keselamatan maklumat peribadi anda.

**9** **Pastikan** dokumen peribadi dan kata laluan disimpan dengan selamat, jauh daripada jangkauan orang lain.

**10** Simpan rekod pertandingan yang disertai dengan teratur termasuk tarikh, penganjur, maklumat yang diberikan, dan hadiah yang ditawarkan untuk mengelakkan penipuan.



Sekiranya anda menghadapi sebarang aktiviti tersebut, sila maklumkan segera kepada kami melalui talian 1300 88 1900 atau +603 2613 1900 (Luar Negara), atau e-mel ke [customercare@bsn.com.my](mailto:customercare@bsn.com.my) atau hubungi talian hotline Pusat Scam Respons Kebangsaan (NSRC) iaitu 997 (talian ini boleh dihubungi antara 8.00 pagi hingga 8.00 malam setiap hari, termasuk cuti umum).



# Ucapan **Musim Perayaan** oleh EB BSN

Kemeriahian Dirai Segenap Generasi,  
Kegembiraan Sama Dikongsi

 [Klik Disini](#)

Klik pautan untuk saksikan video ucapan musim perayaan daripada EB BSN

Pelbagai produk dan kempen menarik yang ditawarkan oleh BSN pada tahun ini bukan sahaja memberi manfaat kepada pelanggan BSN, malah semua EB BSN juga boleh mendapat manfaatnya kepada perniagaan anda seperti mendapat komisen daripada transaksi yang dilakukan oleh pelanggan anda!



Simpan dan nikmati jaminan kadar keuntungan sehingga 5.50% setahun sekarang! Anda juga layak secara automatik untuk menyertai kempen BSN SSP dan berpeluang memenangi hadiah menarik seperti kereta mewah serta BSN SSP RM1,000,000 setiap bulan.



Simpan untuk anak anda dan nikmati keuntungan dan ganjaran bonus apabila anda menyimpan setiap bulan secara berterusan. Anda juga berpeluang memenangi hadiah sehingga RM54,500!



Kemudahan pembiayaan untuk tujuan modal kerja, pembelian aset dan pengubahsuaian tersedia untuk anda. Mohon Skim Pembiayaan BSN Micro/i Madani untuk kembangkan perniagaan anda. Pembiayaan sehingga RM50,000 dengan kadar keuntungan tetap 4.00% setahun.